

NO SOALAN :25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA
(KETEREH)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 19.11.2015

**Y.B. TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA ANNUAR BIN MUSA [
KETEREH]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi
pelaksanaan program BAHTERA sebagai landasan dan pemacu jaringan
perniagaan untuk menaik taraf ekonomi Bumiputera menjelang 2020 dan
dalam usaha membina ekosistem sokongan yang lebih mantap antara
sektor awam dan swasta berdasarkan lima strategi Rancangan Malaysia
Ke-11.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

1. Program BAHTERA yang telah diadakan dari 19 hingga 20 Ogos 2015 bertujuan mengaktifkan kesedaran peringkat akar umbi usahawan Bumiputera ke arah peningkatan pencapaian masa depan usahawan Bumiputera ke peringkat global. Dengan tema "*Bumipreneurs of Tomorrow*", program BAHTERA menyasarkan penglibatan semua peringkat usahawan dan komuniti perniagaan Bumiputera. Sempena program BAHTERA tersebut, aktiviti-aktiviti pembangunan keusahawanan mengumpulkan penyertaan agensi utama Kerajaan, NGO dan swasta kearah sama-sama membantu usahawan Bumiputera. Pendekatan ini ternyata telah mendapat sambutan yang amat memberangsangkan dengan kehadiran lebih 15,000 orang peserta.

2. Program BAHTERA ini adalah salah satu pendekatan yang selaras dan melengkapi kelima-lima strategi "Memperkuuh Peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera" yang digariskan di bawah RMK11 iaitu:

Strategi Pertama : Memperkasa modal insan

Strategi Kedua : Meningkatkan penguasaan efektif Bumiputera dan mengekalkan pemilikan korporat;

Strategi Ketiga : Memperluas syer pemilikan Kekayaan Bumiputera;

Strategi Keempat : Memperkasa komuniti ekonomi Bumiputera; dan

Strategi Kelima : Mengukuhkan keberkesanan penyampaian program berorientasikan Bumiputera.

Selain daripada itu program BAHTERA ini dapat membantu meningkatkan pendapatan dan penguasaan ekonomi masyarakat Bumiputera yang sebahagian besarnya masih tergolong di dalam margin pendapatan negara di bawah 40% (B40).

3. BAHTERA dirancang sebagai sebuah program berterusan bagi meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera agar dapat sama-sama bersaing dalam dunia perniagaan global. Dalam konteks ini, pelaksanaan program BAHTERA ditumpukan kepada dua strategi utama:
- *Outreach* dan Sistem Sokongan Komuniti; dan
 - Platform Atas Talian BAHTERA.

***Outreach* dan Sistem Sokongan Komuniti**

4. Bagi memastikan kesinambungan program BAHTERA Kementerian Kewangan merancang untuk memperluaskan program ini menerusi *outreach* dan kolaborasi dengan sistem sokongan komuniti keusahawanan Bumiputera di seluruh negara. Program BAHTERA yang akan datang dirancang akan dilaksanakan secara disentralisasi mengikut wilayah Utara, Timur, Selatan, Sabah dan Sarawak dengan kaedah *outreach* dan kolaborasi berkenaan. Terdapat hampir 50 entiti berkaitan Kerajaan dan bukan Kerajaan dalam Komuniti BAHTERA pada masa ini yang boleh membantu melaksanakan program BAHTERA.

Platform Atas Talian BAHTERA

5. Platform atas talian BAHTERA adalah sejajar intipati BAHTERA yang menekankan bahawa untuk usahawan Bumiputera berdaya saing di masa hadapan, mereka perlu menggunakan teknologi, model perniagaan baru (*new business model*) dan juga rangkaian niaga yang lebih efisien. Platform ini akan bertindak sebagai pusat sehenti untuk usahawan Bumiputera berinteraksi, mendapat sokongan dan bantuan yang diperlukan serta menjalankan urusniaga secara *real time*.

6. Selain itu, pangkalan data usahawan Bumiputera yang berjaya akan diwujudkan dalam platform BAHTERA. Maklumat asas dan profail usahawan Bumiputera akan dianalisis bagi dikongsi dengan komuniti usahawan Bumiputera. Ini termasuklah dari segi penglibatan mengikut sektor industri, tahap perniagaan dan program pembangunan keusahawanan yang diperlukan. Analisis ini dapat membantu jaringan usahawan Bumiputera berinteraksi sesama mereka dan mereka peluang perniagaan kepada komuniti perniaga Bumiputera dalam BAHTERA.

7. Pada masa kini, platform atas talian BAHTERA merangkumi elemen-elemen berikut:

- Panduan BAHTERA – di mana usahawan akan dibimbing ke program yang relevan dengan industri dan tahap perniagaan masing-masing. Mereka ini akan dihubungkan secara terus kepada pegawai yang bertanggungjawab agar langkah seterusnya dapat diambil;
- BAHTERA *Business Intelligence* – usahawan dapat menganalisa data dan

maklumat yang relevan dengan perniagaan mereka agar mereka dapat membuat keputusan perniagaan, pasaran dan sebagainya melalui pangkalan data ini;

- BAHTERA *Marketplace* dan *Distribution Network* - dalam usaha untuk mempromosikan idea bahawa usahawan Bumiputera perlu membantu usahawan Bumiputera yang lain, BAHTERA *Marketplace* ini memberi peluang perniagaan sesama usahawan. Ia juga merupakan platform membina rangkaian niaga dalam negara dan juga di ASEAN agar produk dapat disalurkan secara efisien dalam talian
8. Buat masa ini, Kementerian Kewangan sedang membuat perancangan untuk menjelajah keseluruhan negara membawa program BAHTERA Ini. Pada masa yang sama, platform atas talian BAHTERA sedang dalam fasa pengukuhan untuk perluasan penggunaan dan capaian. Penggunaan platform BAHTERA oleh kedua-dua pihak Kerajaan dan swasta akan memastikan wujudnya maklumat yang *relevant and timely*. Ini adalah penting bagi penyediaan bantuan sama ada berbentuk polisi atau program bina upaya agar usahawan Bumiputera tidak ketinggalan dalam usaha Kerajaan menaiktaraf ekonomi Bumiputera

menjelang 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)

SOALAN : 26

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rasional perlunya membawa resolusi di peringkat Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk menubuhkan sebuah tribunal antarabangsa bagi isu MH17 sehingga divetokan oleh Rusia walaupun Malaysia boleh menandatangani Rome Statue of the International Criminal Court supaya kes tersebut dapat difaillkan ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa dengan serta merta.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negara-negara *Joint Investigation Team* (JIT) yang disertai oleh Belanda, Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine telah bersepakat bahawa opsyen yang terbaik bagi membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan adalah menerusi resolusi di peringkat Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNSC) untuk menubuhkan sebuah Tribunal Antarabangsa MH17 di bawah Bab VII Piagam PBB. Ini adalah bagi mendapat sokongan antarabangsa ke atas keputusan-keputusan serta langkah susulan untuk membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Walaupun resolusi tersebut telah di veto oleh Rusia, namun ia telah mendapat sokongan antarabangsa, di mana ia telah memperoleh 11 undian sokongan dan 18 *co-sponsorships*. Hanya Rusia yang tidak bersetuju dengan resolusi tersebut. Ini membuktikan bahawa masyarakat antarabangsa menyokong penuh usaha-usaha yang dilakukan oleh JIT.

Berhubung opsyen untuk merujuk kes MH17 kepada Mahkamah Jenayah Antarabangsa (*International Criminal Court – ICC*), negara-negara JIT berpendapat bahawa ICC bukan merupakan opsyen terbaik bagi membawa pihak yang bertanggungjawab ke atas insiden MH17 ke muka pengadilan. Ini kerana, di antara 3 jenis kesalahan yang terletak dalam bidang kuasa ICC, hanya satu jenayah sahaja yang berkaitan dengan kes MH17 iaitu jenayah perang dan elemen jenayah perang

tersebut pula adalah sukar untuk dibuktikan. Ini bermakna bahawa pendakwaan bagi mana-mana kesalahan lain yang berbangkit akan perlu didakwa dan dibicarakan dalam mahkamah lain.

Namun begitu, negara-negara yang diwakili dalam JIT sedang berusaha untuk mencari opsyen pendakwaan yang terbaik bagi mendakwa pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 ke muka pengadilan. Bagi tujuan tersebut, sebanyak dua siri mesyuarat telah diadakan bagi membincangkan opsyen tersebut yang terdiri daripada pendakwaan nasional dan penubuhan tribunal melalui triti antarabangsa.

Selain daripada itu, YAB Perdana Menteri bersama-sama Ketua-Ketua Negara yang diwakili dalam JIT semasa Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengadakan pertemuan pada 29 September 2015 bagi membincangkan opsyen pendakwaan tersebut selaras dengan Resolusi Majlis Keselamatan 2166 dan menggesa negara-negara yang diwakili dalam JIT untuk terus komited supaya opsyen pendakwaan yang terbaik dapat ditentukan bagi membawa pihak yang bertanggungjawab ke muka pengadilan.

Dalam pada itu, siasatan jenayah masih sedang dilaksanakan oleh Negara-negara JIT dan dijangka akan berterusan sehingga tahun 2016. Pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 hanya dapat ditentukan setelah siasatan tersebut selesai.